

Bandar Pintar berdaya huni seiring aspirasi

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** tekad mahu menjadikan Labuan sebagai Bandar Pintar selepas Putrajaya dan Kuala Lumpur demi kemakmuran rakyat di pulau tersebut.

Kata beliau, Labuan berpotensi dijadikan bandar pintar yang berdaya huni seiring dengan aspirasi C.H.A.S.E City yang diperkenalkan di bawah pentadbirannya.

“Sebenarnya Huawei mempunyai beberapa peralatan yang boleh dilaksanakan ada unsur-unsur *smart city*, contohnya yang ditunjukkan adalah ‘smart pole’ yang dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV).

“Ia boleh berfungsi untuk memantau serta memastikan keselamatan bandar dan kesesakan lalu lintas.

“Memandangkan Labuan merupakan pulau, ia boleh memantau risiko-risiko adanya *tsunami* sekiranya terdapat laporan gempa bumi di kawasan berhampiran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Selasa.

Semasa lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini Zaliha turut mendengar taklimat yang disampaikan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat, komunikasi dan kecerdasan buatan (AI), Huawei dan berpeluang melihat demo ‘smart pole’.

“Saya tekuni taklimat yang disampaikan yang membentangkan Labuan Intelligence Operational Centre dalam menerapkan Labuan sebagai sebuah bandar pintar berdaya huni.

“Ini adalah satu teknologi yang baik dalam menjadikan Labuan sebagai bandar pintar selaras dengan aspirasi CHASE City,” katanya.

CHASE City merupakan inisiatif yang mempunyai lima komponen yang dicetuskan beliau untuk melonjakkan ekonomi, reformasi dan menstrukturkan semula ekonomi Wilayah Persekutuan sebagai hab serantau sekali gus menyokong kepada kemampanan model ekonomi negara.

CHASE adalah *CLEAN CITY* (bandar bersih), *HEALTHY CITY* (bandar sihat), *ADVANCED CITY* (bandar maju), *SAFE CITY* (bandar selamat) dan *ECO FRIENDLY CITY* (bandar mesra alam). 



ZALIHA beramah mesra pada program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.